

(d) Diplomas—

(i) Diploma of Engineering (Agriculture)	Dip. E. (Agric.)
(ii) Diploma of Animal Health and Production	Dip. An. Health and Prod.
(iii) Diploma of Forestry	Dip. For.
(iv) Diploma of Fisheries	Dip. Fish.
(v) Diploma of Agriculture	Dip. Agric.
(vi) Diploma of Science and Education	Dip. S. cum. Ed.
(vii) Diploma of Home Technology ...	Dip. Home Tech.

Made on the 6th day of July 1977.
[UPM/P/2.02; PN. (PU²) 75E.]

TENGGU SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI AL MARHUM
SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH AL HAJ,
Chancellor,
University Pertanian Malaysia

P.U. (B) 507.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

AKTA UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (ACARA KONVOKESYEN) 1977

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 28 Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia, Majlis Universiti Pertanian Malaysia selepas berunding dengan Canselor mengikut kehendak seksyen 44 Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia membuat Akta yang berikut:

P.U. (A)
409/76.

1. Akta ini bolehlah dinamakan **Akta Universiti Pertanian Malaysia (Acara Konvokesyen) 1977.**

Nama.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Fakulti” adalah termasuk sesuatu Yayasan atau Pusat yang bukan sebahagian daripada sesuatu Fakulti.

(2) Akta ini hendaklah dipakai dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu apabila sesuatu Konvokesyen dipengerusikan oleh seorang Pro Canselor atau oleh Naib Canselor.

3. Suatu Konvokesyen bagi pengurniaan ijazah-ijazah dan diploma-diploma hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun, atau seberapa kerap yang diarahkan oleh Canselor, pada tarikh dan tempat yang diluluskan oleh Canselor.

Konvokesyen.

4. Ijazah-ijazah dan diploma-diploma Universiti hendaklah biasanya dikurniakan hanya kepada orang-orang yang hadir disesuatu Konvokesyen dengan syarat bahawa Senat boleh, dalam keadaan luar biasa, memutuskan supaya sesuatu ijazah atau diploma dikurniakan tanpa hadir.

Pengurniaan ijazah dan diploma kepada orang yang hadir.

5. (1) Sesuatu Konvokesyen hendaklah dipengerusikan oleh Canselor atau, jika Canselor tidak hadir, oleh seorang Pro Canselor yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Canselor.

Pengerusi Konvokesyen.

(2) Jika Canselor dan Pro Canselor yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Canselor tidak hadir pada sesuatu Konvokesyen, Konvokesyen itu hendaklah dipengerusikan oleh Naib Canselor.

- Pengisytiharan. 6. Pengisytiharan membuka dan menutup Konvokesyen hendaklah dilakukan oleh Canselor.
- Tertib pengurniaan ijazah dan diploma. 7. Ijazah-ijazah dan diploma-diploma hendaklah dikurniakan menurut tertib yang berikut—
Ijazah-ijazah Kehormat menurut tertib yang ditetapkan oleh Senat;
Ijazah-ijazah Doktor selain daripada Doktor Falsafah menurut tertib Fakulti;
Ijazah Doktor Falsafah menurut tertib Fakulti;
Ijazah-ijazah Master menurut tertib Fakulti;
Ijazah-ijazah Bacelor menurut tertib Fakulti;
Diploma-diploma menurut tertib Fakulti.
- Hadiah-hadiah. 8. Selepas semua ijazah dan diploma telah dikurniakan, Naib Canselor hendaklah membacakan senarai hadiah-hadiah yang diberi berasaskan kepada keputusan peperiksaan, dan Canselor hendaklah menyampaikan sijil-sijil yang berkaitan, jika ada.
- Ucapan. 9. Ucapan Konvokesyen, jika ada, hendaklah disampaikan selepas semua ijazah dan diploma dikurniakan dan sijil-sijil disampaikan.
- Doa Selamat. 10. Doa Selamat Konvokesyen hendaklah dibacakan sebelum pengisytiharan menutup Konvokesyen oleh Canselor.

Dibuat pada 22 haribulan Julai 1977.
[UPM/P/2.02; PN. (PU²) 75E.]

TAN SRI ABDUL KADIR BIN SHAMSUDDIN,
Pengerusi,
Majlis Universiti Pertanian Malaysia

UNIVERSITY AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971
UNIVERSITY PERTANIAN MALAYSIA CONSTITUTION
UNIVERSITY PERTANIAN MALAYSIA (CONVOCATION PROCEDURE)
ACT 1977

P.U. (A)
409/76.

IN exercise of the powers conferred by section 28 of the Constitution of the University Pertanian Malaysia, the Council of the University Pertanian Malaysia after consultation with the Chancellor in accordance with the requirements or section 44 of the Constitution of the University Pertanian Malaysia makes the following Act:

- Citation. 1. This Act may be cited as the **University Pertanian Malaysia (Convocation Procedure) Act 1977.**
- Interpretation. 2. (1) In this Act unless the context otherwise requires—
“Faculty” includes an Institution or Centre which is not a part of any Faculty.
(2) This Act shall apply with such modification as may be necessary depending on whether a Pro-Chancellor or Vice-Chancellor presides over a Convocation.
- Convocation. 3. A Convocation for the conferment of degrees and diplomas shall be held annually or as often as the Chancellor may direct on such date and at such place as may be approved by the Chancellor.
- Conferment of degrees and diplomas to persons present. 4. Degrees and diplomas of the University ordinarily shall be conferred to persons who are present at a Convocation, on condition that the Senate may, in exceptional cases, decide that a degree or diploma be conferred in a person's absence.

5. (1) The Chancellor shall preside over the Convocation or, if the Chancellor is not present, by a Pro-Chancellor who is authorised for this purpose by the Chancellor. Convocation
Chairman.

(2) If the Chancellor or the Pro-Chancellor who is authorised for this purpose by the Chancellor is not present at a Convocation, then the Vice-Chancellor shall preside over the Convocation.

6. The declaration to open and close the Convocation shall be performed by the Chancellor. Declaration.

7. Degrees and diplomas shall be conferred according to the following order— Order of
conferment
of degrees
and diplomas.

Honorary degrees according to the order determined by the Senate;
Doctorate degrees other than Doctor of Philosophy according to the Faculty order;

Doctor of Philosophy degrees according to the Faculty order;

Masters degrees according to the Faculty order;

Bachelor degrees according to the Faculty order;

Diplomas according to the Faculty order.

8. After the conferment of all degrees and diplomas, the Vice-Chancellor shall read the list of prizes which are awarded based on the examination results, and the Chancellor shall award the certificates, if there are any. Prizes.

9. The Convocation speech, if there is, shall be delivered after all the degrees and diplomas have been conferred and the certificates awarded. Speech.

10. The doa selamat of the Convocation shall be read before the declaration of the closing of the Convocation by the Chancellor. Doa Selamat.

Made on the 22nd day of July 1977.

[UPM/P/2.02; PN. (PU²) 75E.]

TAN SRI ABDUL KADIR BIN SHAMSUDDIN,
Chairman,

Council of University Pertanian Malaysia

P.U. (B) 508.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

AKTA UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (PESEKUTU AKADEMIK) 1977

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 28 Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia, Majlis Universiti Pertanian Malaysia membuat Akta yang berikut mengikut peruntukan seksyen 28 tersebut: P.U. (A)
409/76.

1. Akta ini boleh dinamakan **Akta Universiti Pertanian Malaysia (Pesekutu Akademik) 1977.** Nama.

2. Jika disyorkan oleh Senat, Majlis boleh melantik orang perseorangan, firma, yayasan, jabatan Kerajaan atau pertubuhan lain sebagai Pesekutu Akademik dalam sesuatu Fakulti, Pusat atau Yayasan bagi maksud mengiktiraf sumbangan mereka dalam bidang pengajaran atau penyelidikan Universiti. Perlantikan
Pesekutu
Akademik.

3. Perlantikan seseorang sebagai Pesekutu Akademik tidak boleh ditafsirkan sebagai memberinya hak untuk menjadi ahli sesuatu pihak berkuasa Universiti atau sesuatu badan lain di Universiti atau sebagai memberinya kuasa bagi menjalankan apa-apa tugas kerja atau pentadbiran. Perlantikan
tidak memberi
hak.